

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT.
PARLIMEN KETIGA BELAS.
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 15 MAC 2016

SOALAN:

TUAN M. KULASEGARAN [Ipoh Barat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:

- (a) apakah dasar jangka panjang dan jangka pendek yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa pekerjaan yang mencukupi disediakan untuk semua rakyat.
- (b) apakah perkembangan _____ terkini terhadap pampasan pemberhentian kerja (*retrenchment benefits*) dan skim untuk pekerja.

PR-1341-L71833

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan unjuran di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang tahun 2020. Sebanyak 60 peratus daripadanya memerlukan kemahiran berkaitan TVET. Sehubungan itu, peranan Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah lebih berfokus kepada melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dan usaha-usaha meningkatkan Produktiviti buruh bagi memastikan pasaran buruh yang cekap dan fleksibel.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bayaran faedah penamatan kerja bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja oleh majikan telah diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980 di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

3. Sebagai penambahbaikan kepada peruntukan undang-undang faedah penamatan kerja sedia ada, KSM sedang merangka pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di Malaysia. SIP merupakan suatu jaringan keselamatan sosial bagi membantu mengurangkan beban tekanan para pekerja yang kehilangan pekerjaan dan memelihara kebajikan serta menjamin kesejahteraan mereka.

4. Di samping itu, elemen *active labour market policies* (ALMP) yang dicadangkan sebagai salah satu komponen utama SIP akan menyediakan bantuan dari segi kaunseling dan latihan bagi meningkatkan kebolehpekerjaan (*employability*) pekerja tersebut serta bantuan pencarian dan pepadanan kerja bagi membantu pekerja mendapatkan pekerjaan baharu secepat mungkin.